



Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

4 年级

Dayne Azmin
Ain Nadhirah Mohd Sh

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format  Ujian Akhir Sesi Akademik
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Bahagian A

Tatabahasa

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Setiap pagi Halim keluar awal ke sekolah kerana rumahnya terletak _____ dari sekolah.
 A jauh
 B dekat 近
 C rapat 近/亲密
 D hampir 差点
2. Setiap peserta berlari dengan _____ untuk memenangi acara lumba lari itu.
 A deras 水流急
 B gopoh 匆忙
 C pantas 快
 D perlahan 慢

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3.
 - A Adelia berasa gembira kerana tidak dapat pulang ke kampung.
 - B Abang terus cemas apabila mendapati jam tangannya hilang.
 - C Dia sangat sedih atas kematian kucing kesayangannya.
 - D Mereka berasa kecewa kerana menunggu terlalu lama.

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hujung minggu yang lalu, Azreen dan keluarganya pulang ke kampung. Kampung mereka terletak di Ipoh, Perak. Semasa (dalam perjalanan) ke sana, hujan turun dengan (lebat. 下大雨) 当时 (路途上)

Keadaan jalan raya pada ketika itu basah dan licin. Ayah Azreen memandu kereta dengan berhati-hati. Ayah Azreen memperlahankan kereta apabila melalui lereng bukit. 情况 在 当时 通过

Semasa mereka melalui kawasan lereng bukit, tiba-tiba berlaku kejadian (tanah runtuh) Tanah runtuh itu berlaku beberapa meter di hadapan mereka. Azreen dan keluarganya terkejut melihat kejadian itu. Mereka melihat tiga buah kenderaan yang berada di hadapan mereka telah tertimbus. 土崩 通过 斜坡 突然 停下 被埋了 紧急呼叫 马上 不想

Selepas itu, ayah Azreen membuat (panggilan kecemasan) untuk mendapatkan bantuan. Dia melaporkan kejadian yang berlaku dengan terperinci kepada pasukan keselamatan. 报告 情况 详细

Selepas sepuluh minit, pasukan bomba dan penyelamat serta pihak polis tiba. Mereka (bertungkus lumus) menyelamatkan mangsa tanah runtuh yang tertimbus. Semua mangsa dibawa ke tempat yang lebih selamat. Tidak lama selepas itu, semua mangsa berjaya diselamatkan. 辛勤工作 完成

4. Bilakah Azreen dan keluarganya pulang ke kampung?
 - A Pada hari Isnin yang lalu
 - B Pada hari Sabtu yang lalu
 - C Pada hujung minggu yang lalu
 - D Pada cuti persekolahan yang lalu
5. Bagaimanakah keadaan jalan raya semasa Azreen dan keluarga pulang ke kampung?
 - A Basah dan licin
 - B Lembap dan licin
 - C Licin dan berlubang
 - D Kering dan berlubang
6. Berikut ialah pernyataan yang benar berdasarkan petikan kecuali
 - A terdapat tiga buah kenderaan yang tertimbus. 被埋了
 - B ayah Azreen membawa kenderaan dengan laju.
 - C Azreen pulang ke kampung bersama dengan keluarga.
 - D ayah Azreen menelefon pihak bomba dan penyelamat untuk mendapatkan bantuan.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KEMPEN CEGAH KEBAKARAN TAMAN HARMONI



Antara aktiviti yang dijalankan:

- Ceramah kebakaran oleh Pihak Bomba dan Penyelamat
- Demonstrasi penggunaan alat pemadam api dengan betul
- Perkongsian tip keselamatan di rumah

Semua penduduk dijemput hadir!

BAHAN 2

KEMPEN CEGAH KEBAKARAN TAMAN HARMONI

Persatuan Penduduk Taman Harmoni akan menganjurkan Kempen Cegah Kebakaran pada 10 Julai 202__ dengan kerjasama Pihak Bomba dan Penyelamat. Tujuan kempen ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat, khususnya penduduk Taman Harmoni tentang keselamatan sekiranya berlaku kebakaran. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan, antaranya ialah ceramah kebakaran oleh Pihak Bomba dan Penyelamat, demonstrasi penggunaan alat pemadam api dengan betul, perkongsian tip keselamatan di rumah dan banyak lagi. Semua penduduk Taman Harmoni dijemput hadir.

7. Antara aktiviti yang dijalankan dalam kempen tersebut ialah

- A pameran tentang kebakaran.
- B acara (cabutan bertuah.) *lucky draw*
- C perkongsian tip keselamatan di rumah. *sharing*
- D pertandingan memadamkan api kebakaran.

Demonstrasi penggunaan alat pemadam api dengan betul.

8. Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris di atas ialah

- A ekor.
- B buah.
- C batang.
- D keping.

9. Perkataan *demonstrasi* *示范* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan

- A huraian. *解释*
- B pertunjukan. *展示*
- C persembahan. *表演*
- D maklumat. *资料*

10. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.

- A Kempen dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Harmoni dengan kerjasama Pihak Bomba dan Penyelamat. *被举办*
- B Penduduk Taman Harmoni perlu membayar RM20.00 untuk (mengambil bahagian) dalam kempen tersebut. *付钱* *参加*
- C Aktiviti yang dijalankan termasuklah ceramah kebakaran, tip keselamatan di rumah dan demonstrasi penggunaan alat pemadam api. *包括*
- D Tujuan kempen diadakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat, khususnya Penduduk Taman Harmoni tentang keselamatan sekiranya berlaku kebakaran. *警觉* *社会*

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kini, kes kehilangan kanak-kanak (semakin menjadi-jadi) Hal ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu dan bapa. Oleh hal yang demikian, pelbagai langkah perlu diambil untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Langkah pertama adalah dengan mengawasi anak-anak apabila berada di (tempat awam). Ibu dan bapa disarankan untuk (memimpin tangan) anak-anak apabila berada di luar rumah bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Kedua, ibu dan bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak mereka untuk bermain secara berkumpulan apabila berada di luar rumah. Seterusnya, ibu dan bapa juga hendaklah menasihati anak-anak mereka agar tidak mempercayai dan mengikuti orang yang (tidak dikenali). Hal ini adalah bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa penculikan.

Kesimpulannya, ibu dan bapa perlu sentiasa memantau dan mengingatkan anak-anak tentang penjagaan keselamatan diri.

I. (a) Kes kehilangan kanak-kanak yang semakin menjadi-jadi telah _____

(b) Mengapakah anak-anak perlu dinasihati supaya tidak mempercayai dan mengikuti orang yang tidak dikenali?

- (c) *Bulatkan satu kata hubung yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Langkah pertama adalah dengan mengawasi anak-anak apabila berada di tempat awam.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Ibu dan bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak mereka untuk bermain secara berkumpulan apabila berada di luar rumah.

Anak-anak hendaklah sentiasa diingatkan oleh ibu dan bapa untuk bermain secara berkumpulan apabila berada di luar rumah.	
Ibu dan bapa hendaklah berada di luar rumah secara berkumpulan ketika anak-anak mereka bermain.	

Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Pada suatu hari, kamu dan rakan kamu sedang berjalan pulang dari sekolah. Tiba-tiba, sebuah van menghampiri kalian. Seorang lelaki mengajak kalian untuk menaiki van tersebut.

约 你们

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Bahagian C**Penulisan Perenggan**

Grafik di bawah menunjukkan tentang latihan kebakaran di sekolah.

Tuliskan pendapat kamu tentang kepentingan latihan kebakaran di sekolah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Kepentingan Latihan Kebakaran di Sekolah

Bahagian D

Penulisan Karangan

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

